



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 44 (29 OKTOBER - 4 NOVEMBER 2023)

10 NOVEMBER 2023

Pada Minggu Epidemiologi ke-44 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,221 kes berbanding 2,272 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 51 kes (2.2%). Sebanyak lima (5) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-44 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-44 adalah sebanyak 100,936 kes berbanding 51,262 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 49,674 (96.9%). Manakala sejumlah 78 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 35 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-44 adalah sebanyak 67 lokaliti berbanding 68 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 67 lokaliti yang dilaporkan, 47 lokaliti di Negeri Selangor, lapan (8) lokaliti di Perak, lima (5) lokaliti di WPKL & Putrajaya, dua (2)


lokaliti di Negeri Sembilan dan Kelantan serta masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Pulau Pinang, Pahang dan Sabah.

Bagi surveilan chikungunya, tiada kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-44. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 181 kes. Bagi surveilan zika, sebanyak 3,065 sampel darah dan 316 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Vektor penyakit demam denggi adalah nyamuk *Aedes aegypti* dan *Aedes albopictus*. Nyamuk *Aedes aegypti* cenderung berada di dalam rumah manakala nyamuk *Aedes albopictus* kebiasaannya dijumpai di luar rumah. Nyamuk *Aedes* tinggal di habitat yang berhampiran dengan manusia (domestik) dan pada kebiasaannya menggigit pada awal pagi atau lewat petang. Kebanyakan tempat pembiakan *Aedes* didapati pada struktur dan bekas buatan manusia (*man-made container*), sampah terbiar dan bekas-bekas atau struktur yang dapat menakung air. Oleh itu, aktiviti pemusnahan tempat pembiakan nyamuk serta pencegahan gigitan nyamuk amat penting dalam memutuskan rangkaian jangkitan demam denggi. Penggunaan penghalau nyamuk elektrik, pemakaian repelan, memakai pakaian yang berlengan panjang atau berseluar panjang serta mengurangkan aktiviti luar di waktu puncak dapat mengurangkan risiko gigitan nyamuk.

Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.


**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
10 NOVEMBER 2023**




Gambar rajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-44 & ke-43 tahun 2023



Gambar rajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-44 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambar rajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-44), 2022 dan median 2018-2022



Gambar rajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-44 tahun 2023